

Ruj. Kami : PMS/UP/656-3/( 42 )  
Tarikh : 25 Mei 1999

Semua Ketua Jabatan Persekutuan Sabah Dan  
Wilayah Persekutuan Labuan

Semua Ketua Jabatan Badan Berkanun Persekutuan Sabah Dan  
Wilayah Persekutuan Labuan

Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN MALAYSIA SABAH  
BILANGAN 4 TAHUN 1999**

---

**BILANGAN 4 TAHUN 1999 PENERIMAAN HADIAH OLEH JABATAN KERAJAAN**

---

Adalah saya dengan hormatnya ingin menarik perhatian Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan mengenai perkara yang tersebut di atas.

2. Sepertimana Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan sedia maklum, Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia telah pun mengeluarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998 mengenai Garis Panduan Pemberian Dan Penerimaan Hadiah Di Dalam Perkhidmatan Awam. Walaubagaimana pun berdasarkan pertanyaan-pertanyaan yang sering diterima daripada Jabatan/Agensi Persekutuan Di Sabah, pejabat ini mendapati ada di antara Jabatan/Agensi Persekutuan di Sabah yang kurang jelas dari segi prosedur penerimaan Hadiah oleh Jabatan/Agensi Kerajaan samada daripada pihak swasta atau mana-mana pihak lain.

3. Sehubungan dengan ini, suka saya menarik perhatian pihak Y.Bhg. Dato'/Datuk/ Tuan/Puan kepada cabutan Pekeliling tersebut di atas di para 18 hingga 19 di mana Jabatan/Agensi Kerajaan adalah dibenarkan menerima hadiah daripada pihak-pihak yang berkaitan dengan memperolehi kebenaran daripada:-

3.1. "Ketua Setiausaha atau Pegawai Pengawal, jika nilai hadiah **tiap-tiap satu** kurang daripada RM10,000.00. Kuasa Ketua Setiausaha atau Pegawai Pengawal meluluskan penerimaan hadiah ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti di **Lampiran 'A'** berlampir; atau

3.2. Perbendaharaan, jika nilai hadiah **tiap-tiap satu** bernilai RM10,000.00 atau lebih.

4. Setiap permohonan oleh Jabatan Kerajaan kepada pihak yang meluluskan penerimaan hadiah tersebut hendaklah mengandungi perkara-perkara seperti di **Lampiran 'B'** berlampir".

5. Semoga dengan penjelasan ini adalah diharap pihak Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan dapat menguruskan prosedur penerimaan hadiah dengan lebih jelas dan teratur. Di samping mematuhi Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998 yang sedang berkuatkuasa.

Sekian. Terima kasih.

**“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA “**

Saya yang menurut perintah,

t.t

**( DATUK DR. ABDUL AZIZ BIN MOHD. ALI )**

Pegawai Kewangan Persekutuan Sabah.